

PM: Malaysia tidak tentang globalisasi

UM 28 AUG 2001

Oleh
NIZAM YATIM

PETALING JAYA 27 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tanggapan sesetengah pihak bahawa Malaysia menentang globalisasi adalah tidak benar sama sekali.

Perdana Menteri menjelaskan, Malaysia menyokong globalisasi tetapi bukan seperti ditakrif negara maju iaitu pelaburan dari negara luar ke negara membangun perlu dibuat tanpa sekatan.

“Kita akui ada beberapa pihak keliru dengan pendirian kerajaan berkaitan globalisasi.

“Sebenarnya kita menyokongnya, tetapi bukan globalisasi seperti ditakrif oleh negara-negara kaya,” katanya pada sesi dialog pada Persidangan Nasional Mengenai Dasar Wawasan Negara, Rancangan Malaysia Kelapan dan Penswastaan di Hotel Sunway Lagoon di sini hari ini.

Seminar dua hari anjuran Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dihadiri oleh kira-kira 500 kepimpinan atasan sektor awam dan swasta.

Beliau menambah, takrif globalisasi negara maju itu akan menyebabkan syarikat tempatan di negara-negara membangun bankrap kerana tidak mampu bersaing dengan syarikat asing yang mempunyai modal lebih besar.

“Syarikat asing ini boleh secara tiba-tiba menarik keluar pelaburan mereka tanpa memikirkan tindakan itu akan meruntuhkan ekonomi sesebuah negara dan menyebabkan berjuta-juta pekerja hilang pekerjaan,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, globalisasi mesti dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi membolehkan negara sedang membangun meningkatkan kedudukan mereka agar mampu bersaing.

“Takrif baru ini bermaksud negara kaya perlu membantu negara miskin dan bukan seperti takrif sekarang yang seolah-olah meminta orang kerdil bermain *American Football* dengan gergasi,” jelasnya.

Dr. Mahathir juga berkata, kerajaan menyedari purata pertumbuhan ekonomi tujuh peratus yang disasarkan setiap tahun sehingga tahun 2020 boleh memberi kesan sosial.

“Mungkin pertumbuhan ekonomi pantas ini akan memberi tekanan hingga menimbulkan masalah sosial, tetapi kita tidak boleh menyemak semula sasaran berkenaan semata-mata kerana masalah itu.

“Kita yakin dalam jangka masa panjang masyarakat boleh menyesuaikan diri dengan suasana pertumbuhan ekonomi sedemikian,” katanya.

Sempena majlis tersebut, Dr. Mahathir melancarkan buku *Malaysia Abad ke-21* terbitan ASLI.